Choo Hui Ling lwn Yeow Joen Ann dan satu lagi

A

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PETISYEN PENCERAIAN NO 33–216 TAHUN 2009
YAACOB MD SAM H
22 MAC 2013

B

Undang-Undang Keluarga — Nafkah — Nafkah anak — Kadar munasabah bagi anak dan isteri — Tanggungan perbelanjaan pendidikan, perubatan dan pergigian anak — Sama ada nafkah anak wajar dibayar secara berskala mengikut umurnya

C

Undang-Undang Keluarga — Perkahwinan — Pembubaran perkahwinan — Perzinaan — Petisyen pembubaran perkahwinan oleh isteri atas dasar kecurangan suami — Tuntutan hak jagaan anak — Nafkah isteri dan anak — Sama ada tuntutan ke atas wang simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dibenarkan — Ganti rugi akibat perlakuan curang

D

E

Pempetisyen dan responden pertama telah berkahwin dan mempunyai seorang anak perempuan ('anak tersebut'). Pempetisyen telah mengesyaki bahawa responden pertama membawa balik teman wanitanya ke rumah dan dalam suatu kejadian, pempetisyen bersama bapa serta peguamnya telah pergi ke rumah kelamin mereka dan mendapati pintu rumah tersebut tidak berkunci. Di dalam bilik tidur rumah tersebut, pempetisyen mendapati responden pertama bersama dengan seorang wanita ('responden kedua') sedang berada di atas katil tanpa sebarang pakaian. Susulan daripada itu, pempetisyen kemudiannya memfailkan pembubaran perkahwinan ini dengan alasan utama bahawa perkahwinan tersebut telah menjadi pecah belah dan tidak lagi dapat dipulihkan akibat kecurangan responden pertama dengan responden kedua. Dalam petisyen ini, pempetisyen, antara lain, memohon bagi pembubaran perkahwinan pempetisyen dengan responden pertama; hak jagaan sepenuhnya ke atas anak tersebut; agar responden pertama membayar nafkah bagi pempetisyen dan anak tersebut, keperluan kewangan dan perbelanjaan pendidikan bagi anak tersebut setiap bulan mengikut skala umurnya; nafkah kebelakangan bagi pempetisyen dan anak tersebut; tuntutan ke atas separuh daripada wang simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP') responden pertama; dan separuh daripada keseluruhan aset-aset responden pertama. Pempetisyen seterusnya menuntut ganti rugi daripada responden kedua akibat perlakuan curang dengan responden pertama.

F

G

H

I

Diputuskan:

(1) Selagi dakwaan atau pertuduhan perzinaan tidak dibuktikan

terhadapnya, responden kedua tidak mempunyai tanggungan atau beban untuk mengemukakan keterangan pembelaannya. Tiada pertuduhan zina yang telah dibuktikan terhadap responden kedua. Oleh itu, tuntutan oleh pempetisyen bagi responden kedua membayar ganti rugi bagi perzinaan ditolak (lihat perenggan 19–20).

(2) Perlakuan responden pertama yang melanggani responden kedua bagi tujuan hubungan seks adalah penyebab atau penyumbang tunggal kepada keruntuhan rumah tangga perkahwinan pempetisyen dan responden pertama tersebut. Perlakuan curang responden pertama adalah merupakan perlakuan yang tidak dapat diterima sebagai munasabah untuk pempetisyen meneruskan perkahwinan dan untuk tinggal semula bersama dengan responden pertama. Berdasarkan keterangan, responden pertama bertanggungan sepenuhnya terhadap keruntuhan rumah tangga mereka. Usaha bagi perdamaian oleh tribunal perdamaian/perkahwinan juga telah gagal. Permohonan pempetisyen bagi pembubaran perkahwinan dibenarkan (lihat perenggan 21).

(3) Kadar nafkah RM2,500 sebulan adalah munasabah untuk diberikan bagi nafkah diri pempetisyen. Responden pertama diperintahkan membayar nafkah diri pempetisyen sebanyak RM2,500 sebulan pada setiap bulan ke dalam akaun bank pempetisyen (lihat perenggan 32).

(4) Oleh kerana hak jagaan ke atas anak tersebut tidak dipertikaikan, maka mahkamah mengekalkan dan memerintahkan hak jagaan, pemeliharaan dan kawalan ke atas anak tersebut diberikan kepada pempetisyen dengan hak akses ke atas kanak-kanak tersebut diberikan kepada responden pertama (lihat perenggan 33).

(5) Kadar nafkah sebanyak RM2,000 sebulan adalah munasabah untuk dibayar oleh responden pertama bagi nafkah anak tersebut. Responden pertama juga diperintahkan menanggung fi dan perbelanjaan pendidikan anak tersebut sehingga dia lulus ijazah pertama dan juga kos rawatan perubatan dan pergigian anak tersebut sehingga dia mencapai umur 18 tahun. Walau bagaimanapun, tuntutan pempetisyen agar nafkah anak tersebut dibayar secara berskala mengikut umurnya ditolak kerana tidak bersesuaian dan akan mendatangkan kerumitan dalam penguatkuasaan perintah ke atasnya. Undang-undang tidak menghalang untuk permohonan variasi perintah ke atas nafkah dibuat sekiranya terdapat perubahan keadaan yang material (lihat perenggan 37).

(6) Perletakan jawatan pengarah dan penjualan saham-saham milik responden pertama yang dibuat dalam masa yang singkat dibuat secara tidak jujur dan bertujuan untuk menjauhkan responden pertama daripada pemilikan saham-saham tersebut dan faedah dari jawatan sebagai pengarah, yang secara implikasinya bertujuan untuk melepaskan tanggungan responden pertama daripada tuntutan pempetisyen ke atas

bahagian dalam harta perkahwinan. Pempetisyen wajar diberikan hak-hak ke atas saham pegangan responden pertama tersebut yang jelas dilupuskan. Tiada penjelasan oleh responden pertama mahu pun bapa responden pertama ('SD2') terhadap pelupusan secara tergesa-tergesa saham-saham milik responden pertama dan perletakan jawatan pengarah oleh responden pertama. Pempetisyen berhak ke atas 20% bahagian saham-saham syarikat Mediarex Sdn Bhd (lihat perenggan 41–43).

(7) Undang-undang adalah mantap bahawa wang dalam simpanan KWSP diiktiraf sebagai sebahagian daripada harta perkahwinan. Melihat kepada tempoh perkahwinan antara pempetisyen dan responden iaitu lebih kurang enam tahun dan tempoh tinggal bersama lebih kurang tiga tahun tujuh bulan dan sumbangan oleh pempetisyen dalam menguruskan rumah tangga dan pemeliharaan anak tersebut dan pempetisyen menjadi suri rumah tangga sepenuh masa atas permintaan responden pertama, pempetisyen wajar diberikan sebanyak 20% bahagian ke atas jumlah wang akaun simpanan KWSP milik responden pertama (lihat perenggan 46 & 47).

[English summary

The petitioner and the first respondent were married and had one daughter ('the child'). The petitioner suspected that the first respondent takes home his girlfriend home and in one event, the petitioner together with her father and her lawyer had gone to the matrimonial house and found the door to the house unlocked. In the bedroom of the house, the petitioner found the first respondent with a woman ('the second respondent') on the bed without clothes. Following from that, the petitioner then filed for dissolution of the marriage primarily on the ground that the marriage was irretrievably broken down due to the first and second respondents' adulterous behaviour. In this petition, the petitioner, inter alia, applied for the dissolution of the petitioner's marriage with the first respondent; full custody of the child; that the first respondent paid the maintenance of the petitioner and the child, monetary needs and education expenses for the child every month in accordance to her age scale; retrospective maintenance for the petitioner and the child; claim for half of the savings in the first respondent's Employees Provident Fund ('EPF'); and half of the total assets of the first respondent. The petitioner further claimed for damages from the second respondent for her adulterous behaviour with the first respondent.

Held:

(1) As long as the allegation or charge of adultery was not proven against her, the second respondent did not bear the liability or burden to adduce evidence in defence. There was no charge of adultery that had been

proven against the second respondent. Therefore, the claim by the petitioner for the second respondent to pay the damages for adultery was rejected (see paras 19–20).

(2) The first respondent's act of seeking the second respondent's service for the purpose of sexual pleasure was the sole cause or contributory factor for the breakdown of the marriage between the petitioner and the first respondent. The adulterous behaviour of the first respondent was a behaviour which could not be accepted to be reasonable for the petitioner to continue with the marriage and to stay again with the first respondent. Based on the evidence, the first respondent was fully liable for the breakdown of their marriage. The efforts for reconciliation by the reconciliatory/marriage tribunal had also failed. The petitioner's application for dissolution of marriage was allowed (see para 21).

(3) Maintenance of RM2,500 a month was reasonable to be allowed for the petitioner's self maintenance. The first respondent was ordered to pay the self maintenance for the petitioner in the sum of RM2,500 a month for each month into the petitioner's bank account (see para 32).

(4) As the right of custody of the child was not disputed, the court therefore maintained and ordered the right of custody, care and control of the child to be given to the petitioner and right of access to the child be given to the first respondent (see para 33).

(5) Maintenance of RM2,000 a month was reasonable to be paid by the first respondent to the maintenance of the child. The first respondent also ordered to bear the fees and the education expenses of the child until she reaches the age of 18. However, the petitioner's claim that the child's maintenance to be paid in accordance to her age scale was rejected as it was not suitable and would cause difficulties in execution of the order on him. The law does not impede an application for variation order of the maintenance if there is material change of circumstances (see para 37).

(6) The resignation from the position as the director and the sale of the shares belonging to the first respondent which was done within a short span of time was carried out dishonestly and purported to distance the first respondent from the ownership of the shares and the benefits from the position as the director, impliedly with the purpose of discharging the first respondent's liability from the petitioner's claim for part of the matrimonial assets. The petitioner ought to be given the rights on the shares held by the first respondent which had clearly been disposed. There was no explanation by the first respondent or even by the first respondent's father ('SD2') for the rushed disposal of the first respondent's shares and resignation from the position of director by the first respondent. The petitioner was entitled to 20% shares of the company Mediarex Sdn Bhd (see paras 41–43).

(7) It s established law that the monies in the EPF savings were declared as part of the matrimonial property. Looking at the duration of the marriage between the petitioner and the first respondent ie about six years and period of living together of approximately three years and seven months and the contribution by the petitioner in the maintenance of the family and care of the child and that the petitioner became a fulltime housewife at the request of the first respondent, the petitioner ought to be given the sum of 20% shares on the total money in the EPF savings belonging to the first respondent (see paras 46–47).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai anak, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan-perenggan 4176–4189.

Untuk kes-kes mengenai pembubaran perkahwinan, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 4232–4233.

Kes-kes yang dirujuk

Choong Yee Fong v Ooi Seng Keat & Anor [2006] 1 MLJ 791; [2006] 5 CLJ 144, MT (dirujuk)

Johara Bi binti Abdul Kadir Marican v Lawrence Lam Kwok Fou & Anor [1981] 1 MLJ 139; [1980] 1 LNS 199, MP (dirujuk)

Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santoso [2004] 6 MLJ 395, MT (dirujuk)

Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santoso [2008] 4 MLJ 863; [2008] 4 CLJ 1050, MR (dirujuk)

Lim Kuen Kuen v Hiew Kim Fook & Anor [1994] 2 MLJ 693; [1994] 3 CLJ 471, MT (dirujuk)

Lim Siaw Ying v Wong Seng & Anor [2009] 4 MLJ 409; [2009] 5 CLJ 579, MT (dirujuk)

Parkunan a/l Achulingam v Kalaiyarasy a/p Periasamy [2004] 6 MLJ 240; [2004] 7 CLJ 175, MT (dirujuk)

Selvarani Vathilingam v Ramakrishnan Muthaly [2002] 1 CLJ 223, MT (dirujuk)

Shanmugam v Pitchamany & Anor [1976] 2 MLJ 222; [1976] 1 LNS 141 (dirujuk)

Sivajothi a/p K Suppiah v Kunathasan a/l Chelliah [2006] 3 MLJ 184; [2006] 5 CLJ 318, MT (dirujuk)

Sri Devi Arunasalam v P Puspanathan Thilal [2004] 2 CLJ 610, MT (dirujuk)

Wee Hock Guan v Chia Chit Neo & Anor [1964] 1 MLJ 217 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 8

Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 s 53

Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 ss 58, 77(1)(b), 92, 93

Ravin Woodhul (Tan Kim Soon, LJ Fong dan K Mathimugam bersamanya) (Tan Kim Soon & Co) bagi pihak pempetisyen.
Shalini (RV Lingam & Co) bagi pihak responden pertama.
K Kandiah (Mohd Latip & Associates) bagi pihak responden kedua.

Yaacob Md Sam H:

[1] Petisyen penceraian bertarikh 10 Februari 2009 ini dikemukakan oleh pempetisyen isteri bagi mendapatkan perintah-perintah seperti berikut (ms 58–61 petisyen penceraian terpinda — ikatan dokumen A):

(a) perkahwinan pempetisyen dan responden pertama dibubarkan;

(b) hak penjagaan anak perkahwinan bernama Falicia Yeow Wan Yi (p) yang kini berumur 7 tahun 6 bulan diberikan sepenuhnya kepada pempetisyen;

(c) responden pertama membayar nafkah bagi anak perkahwinan Filicia Yeow Wan Yi tiap-tiap bulan mengikut skala umurnya segala nafkah, keperluan kewangan dan perbelanjaan pendidikan seperti berikut:

Umur	Jumlah bayaran setiap bulan
4–9 tahun	RM2,500
10–12 tahun	RM3,000
13–15 tahun	RM3,500
16–18 tahun	RM4,500
Selepas 18 tahun sehingga tamat pengajian untuk ijazah pertama dari universiti.	RM5,000

(d) responden pertama membayar nafkah sebelumnya (*backdated maintenance*) bagi anak perkahwinan Felicia Yeow Wan Yi sebanyak RM2,500 sebulan mulai 17 Januari 2009 – 1 Oktober 2009 dan kemudiannya dari 1 Oktober 2009 sehingga tarikh keputusan petisyen ini;

(e) responden pertama membayar nafkah pempetisyen isteri sebanyak RM7,000 setiap bulan mulai dari tarikh keputusan bicara petisyen;

(f) responden pertama membayar nafkah sebelumnya (backdated maintenance) kepada pempetisyen isteri sebanyak RM7,000 sebulan mulai 17 Januari 2009 sehingga tarikh keputusan bicara petisyen ini;

(g) pempetisyen isteri diberikan separuh (1/2) daripada wang simpanan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP') responden pertama;

(h) pempetisyen isteri diberikan separuh (1/2) daripada keseluruhan aset-aset responden pertama;

(i) responden pertama membelikan sebuah rumah baru dua tingkat di kawasan bandar Klang yang sama taraf dengan rumah perkahwinan yang akan didaftarkan di bawah nama kedua-dua pempetisyen isteri dan anak perkahwinan Felicia Yeow Wan Yi untuk tinggal bersama dan rumah tersebut akan diserahkan sepenuhnya milikan berdaftar kepada Filicia Yeow Wan Yi apabila anak tersebut mencapai umur 18 tahun;

(j) secara alternatif, responden pertama membayar sewa rumah dua tingkat di bandar Klang yang sama taraf seperti rumah perkahwinan, sebanyak RM1,500 sebulan mulai 17 Januari 2009 sehingga tarikh keputusan bicara petisyen ini;

(k) responden pertama dibenarkan mengambil anak perkahwinan Felicia Yeow Wan Yi pada hari Ahad minggu pertama dan hari Ahad minggu ketiga setiap bulan dari jam 10pagi – 8 malam dengan kehadiran pempetisyen isteri sehingga anak perkahwinan mencapai umur 12 tahun;

(l) ganti rugi kepada pempetisyen isteri daripada responden kedua akibat perlakuan curang dari 17 Januari 2009 dan dibayar kepada pempetisyen isteri serta merta;

(m) kos tindakan ini ditanggung keseluruhannya oleh kedua-dua responden pertama dan responden kedua;

(n) apa-apa relief lain yang yang difikirkan perlu dan adil oleh mahkamah ini.

PERBICARAAN KES

[2] Kes ini telah dijalankan perbicaraan penuh. Pempetisyen memanggil tiga orang saksi, iaitu pempetisyen sendiri ('SP3'), peguam Cik Revathy a/p Thuraisamy ('SP1') dan Choo Wee Peng ('SP2') iaitu bapa pempetisyen. Pernyataan bertulis saksi-saksi semasa pemeriksaan utama telah ditandakan oleh mahkamah masing-masingnya sebagai lampiran 'C' bagi SP1, lampiran 'D' bagi SP2 dan lampiran 'E' bagi SP3 (pempetisyen).

[3] Responden pertama memanggil dua orang saksi, iaitu responden sendiri ('SD1') dan Yeow Joen Ann ('SD2') iaitu bapa responden. Pernyataan bertulis

SD1 dan SD2 semasa pemeriksaan utama telah ditandakan oleh mahkamah ini masing-masingnya sebagai lampiran 'F' dan lampiran 'G'.

[4] Responden kedua hanya diwakili oleh peguamcaranya. Responden kedua walaupun telah memfailkan jawapan kepada petisyen tetapi telah tidak hadir di sepanjang prosiding perbicaraan dan tidak memberi sebarang keterangan. Pembelaan oleh responden kedua ialah beban pembuktian terhadap penglibatan responden kedua ke atas perlakuan perzinaan (*adultery*) dengan responden pertama adalah terletak ke atas pempetisyen bagi membuktikannya kepada mahkamah sebelum responden kedua diperlukan memberi keterangan ke atasnya.

LATAR BELAKANG KES SECARA RINGKAS

[5] Pempetisyen dan responden pertama telah berkahwin pada 20 Mei 2005. Selepas berkahwin, pempetisyen dan responden pertama tinggal di rumah ibu bapa responden pertama di No 8, Jalan Batu Nilam 6, Bandar Bukit Tinggi, Klang, Selangor. Hasil daripada perkahwinan tersebut mereka mendapat seorang anak perempuan bernama Felecia Yeow Wan Yi lahir pada 22 September 2005. Pempetisyen ketika tarikh perkahwinan sedang mengandung selama lima bulan. Anak perkahwinan sekarang berumur lebih kurang 7 tahun 6 bulan.

[6] Dalam tahun 2007 pempetisyen dan responden pertama telah berpindah rumah dan sejak itu mereka tinggal bersama di rumah alamat No 27, Jalan Batu Unjur 4, Taman Bayu Perdana, Klang ('rumah No 27'). Walau bagaimanapun sejak bulan Disember 2008 akibat dari perselisihan faham yang berlaku, pempetisyen isteri telah keluar dari rumah No 27 tersebut bersama anak perkahwinan dan tinggal dengan ibu bapa pempetisyen hingga sekarang.

PERINTAH INTERIM BERTARIKH 13 OKTOBER 2009

[7] Pada 13 Oktober 2009 pempetisyen isteri telah mendapat satu perintah interim dari YA Hakim Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam ke atas perkara-perkara berikut:

(a) pempetisyen isteri diberikan hak penjagaan kanak-kanak perkahwinan bernama Felecia Yeow Wan Yi;

(b) responden suami membayar RM1,000 sebagai nafkah kepada kanak-kanak tersebut;

(c) responden suami diberikan hak akses untuk membawa kanak-kanak perkahwinan pada setiap hari Ahad dari pukul 10 pagi–8 malam tanpa pengawasan.

PERISTIWA PADA 17 JANUARI 2009 JAM 4.30 PAGI

[8] Pada 17 Januari 2009 jam 4.30pagi, pempetisyen di atas syak bahawa responden pertama membawa balik teman wanita ke rumah No 27, pempetisyen bersama bapa pempetisyen (SP2) dan peguam Cik Revathy a/p Thuraisamy (SP1) telah pergi ke rumah No 27 tersebut. Pempetisyen mendapati pintu rumah tidak berkunci. Bersama SP1 serta SP2, pempetisyen memasuki rumah No 27 tersebut. Ketika memasuki bilik tidur rumah No 27 tersebut pempetisyen mendapati responden pertama dan seorang wanita sedang berada di atas sebuah katil di bilik utama rumah tersebut tanpa sebarang pakaian. Pempetisyen telah mengambil gambar responden pertama dan wanita tersebut dengan menggunakan kemera yang dibawa oleh pempetisyen (eksh P5 — gambar 'A–K' ms 1094–1099 ikatan dokumen B5). Turut menyaksikan kejadian responden pertama dan wanita berada di atas katil tanpa berpakaian, ialah bapa pempetisyen (SP2) dan peguam Cik Revathy a/p Thuraisamy (SP1). Wanita yang dijumpai berada dalam bilik tersebut dikenali identitinya sebagai Wong Poh Yin berumur lebih kurang 30 tahun beralamat tinggal di No 60, Jalan SP 7/3, Saujana Puchong, Bandar Putra Permai, Puchong, Selangor iaitu responden kedua. Pempetisyen kemudiannya telah membuat laporan polis di atas kejadian tersebut melalui Klang Rpt 002611/09 bertarikh 17 Januari 2009 pada jam 6.19pagi.

[9] Bagi mengetahui butiran laporan polis oleh pempetisyen tersebut, mahkamah ini menurunkan sepenuhnya laporan polis pempetisyen bagi latar belakang kejadian dapat difahami berdasarkan versi pempetisyen yang juga merupakan keterangan pempetisyen semasa perbicaraan, iaitu (eksh P4 — laporan polis):

> Pada 17.1.2009 lebih kurang pukul 5.05am, saya telah pulang ke rumah saya yang beralamat di No. 27, Jalan Batu Unjur 4, Taman Bayu Perdana bersama-sama dengan peguam serta ayah saya dan apabila saya membuka pintu bilik tidur saya, saya mendapati bahawa suami saya Yeow Joen Ann (KP. No: 781210-10-xxxx) sedang berasmara dengan seorang wanita yang bernama Wong Poh Yin (KP. No:790713-06-xxxx) dan saya telah menangkap mereka berbuat demikian dengan menggunakan sepasang kamera digital serta kamera telefon bimbit saya. Saya sebenarnya telah mengesyaki suami saya sejak 5 bulan yang lepas setelah beliau gagal pulang ke rumah dan selalu keluar minum arak. Setelah beliau memukul dan bergaduh dengan saya pada 30.11.2008, saya telah keluar daripada rumah dengan anak perempuan saya yang berumur 3 tahun dan tinggal di No. 176, Jalan Batu Unjur 2, Taman Bayu Perdana, rumah ibu bapa saya. Saya ingin menggunakan repot ini untuk bercerai dengan suami saya atas dasar curang dan tidak bertanggungjawab dan memprejudiskan segala hak saya sebagai seorang ibu dan isteri yang sah.

[10] Keterangan pempetisyen (SP3) mengenai kejadian pada malam

17 Januari 2009 tersebut disokong oleh keterangan Cik Revathy d/o Thuraisamy (SP1) iaitu peguam pempetisyen yang pergi ke rumah No 27 bersama pempetisyen dan Choo Wee Peng (SP2) iaitu bapa pempetisyen yang juga telah pergi ke rumah No 27 bersama pempetisyen pada malam 17 Januari 2009 tersebut.

ALASAN PETISYEN PENCERAIAN OLEH PEMPETISYEN

[11] Alasan utama oleh pempetisyen bagi pembubaran perkahwinan tersebut adalah bahawa perkahwinan tersebut telah menjadi pecah belah dan tidak lagi dapat dipulihkan disebabkan perlakuan curang oleh responden pertama yang bersama responden kedua. Selepas kejadian pada malam 17 Januari 2009 tersebut, responden pertama telah tidak lagi menghubungi pempetisyen dan telah tidak lagi memberikan apa-apa nafkah bagi pempetisyen dan anak perkahwinan (perenggan 24, 34 dan 38 petisyen penceraian terpinda).

VERSI KETERANGAN RESPONDEN PERTAMA BERKAITAN KEJADIAN PADA 17 JANUARI 2009

[12] Keterangan oleh responden pertama ('DW1') berkaitan dengan kejadian pada malam 17 Januari 2009 di bawah pemeriksaan utama adalah seperti berikut (jawapan Nos 31–32 lampiran 'F'):

S31: Adakah kamu mengenali perempuan yang bernama Wong Poh Yin (responden kedua)?

J31: Saya telah mendapat nombor telefon Wong Poh Yin daripada seorang kawan dan beliau adalah seorang yang memberikan khidmat pelacuran dan saya telah memanggilnya datang ke rumah saya dua (2) kali.

S32: Pada setiap kali kamu memanggil beliau adakah kamu membawa balik ke rumah kamu?

J32: Tidak, kedua-dua kali Wong Poh Yin telah memandu kereta beliau sendiri ke rumah saya.

[13] Responden pertama menafikan melakukan perzinaan dengan responden kedua atau mempunyai hubungan sulit dengan responden kedua. Sebaliknya responden pertama mengatakan responden kedua adalah merupakan seorang pelacur yang memberikan khidmat pelacuran dengan bayaran. Semasa diperiksa balas oleh peguamcara pempetisyen, responden pertama mengatakan beliau membayar perkhidmatan responden kedua bagi satu malam untuk tempoh antara 3–4 jam sebanyak RM600. Responden pertama mengatakan ini adalah kali kedua beliau melanggani khidmat pelacuran responden kedua.

KEPUTUSAN MAHKAMAH SAMA ADA RESPONDEN PERTAMA DAN KEDUA TELAH MELAKUKAN PENZINAAN

[14] Undang-undang adalah mantap bahawa beban pembuktian bagi dakwaan perzinaan (*adultery*) adalah pada tahap tanpa keraguan yang munasabah (*Wee Hock Guan v Chia Chit Neo & Anor* [1964] 1 MLJ 217).

[15] Keterangan pempetisyen (SP3) dalam perkara hubungan di antara responden pertama dan responden kedua adalah seperti berikut:

S41: Pernahkan kamu melihat responden kedua sebelum kejadian pada 17.1.2009?

J41: Tidak, tetapi saya tahu responden pertama bersama-sama beliau kerana saya ternampak nombor taliponnya dalam talipon bimbit responden pertama.

S42: Bagaimana kamu tahu itu nombor talipon responden kedua?

J42: Saya memanggil nombor tersebut melalui telefon awam dan saya juga ada beritahunya supaya jangan kacau suami saya tetapi responden kedua memarahi saya dengan bahasa Cina yang kesat dan terus meletakkan talipon.

S43: Adakah kamu menanyakan responden pertama akan responden kedua?

J43: Ya, tetapi dia marahi saya dan suruh saya jangan masuk campur tangan hal dia dan responden pertama juga menyatakan responden kedua adalah rakan perniagaannya.

[16] Itu sahaja keterangan oleh pempetisyen yang berkaitan dengan dakwaan perzinaan oleh responden pertama dan kedua. Pempetisyen bergantung sepenuhnya kepada kejadian pada 17 Januari 2009 sebagai bukti berlakunya hubungan zina di antara responden pertama dan kedua. Keterangan yang ada hanya melihatkan terdapatnya hubungan bagi tujuan *sex* di antara responden pertama dan responden kedua dan kedua-dua mereka telah ditangkap bersama pada malam 17 Januari 2009 dalam kedaaan berbogel.

[17] Responden pertama mengatakan beliau melanggani responden kedua iaitu seorang pelacur dan membayar perkhidmatan responden kedua RM600 bagi satu malam. Semasa diperiksa balas dengan panjang lebar oleh peguamcara pempetisyen, responden pertama mengekalkan versi beliau bahawa responden kedua adalah seorang pelacur yang dikenalinya melalui rakan dan responden pertama telah melanggan responden kedua dengan bayaran. Responden pertama menafikan menjalinkan hubungan sulit dengan responden pertama.

[18] Seperti yang mahkamah ini nyatakan di awal tadi, beban bukti bagi pertuduhan penzinaan adalah pada tahap tanpa keraguan yang munasabah (lihat kes: *Choong Yee Fong v Ooi Seng Keat; Chua Chong Hong* [2004] MLJU 731; [2006] 5 CLJ 144, *Shanmugam v Pitchamany & Anor* [1976] 2 MLJ 222; [1976] 1 LNS 141, *Wee Hock Guan v Chia Chit Neo & Anor* [1964] 1 MLJ 217). Kecuali responden pertama dan kedua 'tertangkap bersama' pada malam 17 Januari 2009 tiada keterangan sokongan lain yang dapat melihatkan responden pertama dan kedua menjalinkan hubungan sulit bagi maksud satu perzinaan (*adultery*) oleh mereka. Mahkamah perlu membezakan suatu perlakuan perzinaan (*adultery*) dengan perlakuan melanggani pelacuran yang berlaku secara 'one off' dalam mana perkhidmatan bagi melakukan *sex* dibayar tanpa pihak-pihak terikat dalam hubungan sulit di luar perkahwinan bagi suatu tempoh tertentu (*Lim Siaw Ying v Wong Seng & Anor* [2009] 4 MLJ 409; [2009] 5 CLJ 579). Mahkamah melihat keterangan secara totaliti. Oleh kerana tidak terdapat keterangan yang kukuh bagi membuktikan dakwaan perzinaan tersebut, maka mahkamah memberi faedah keraguan kepada responden pertama dan responden kedua bahawa perhubungan di antara responden pertama dan responden kedua adalah merupakan hubungan pelanggan dan pelacur dalam mana responden pertama melanggani responden kedua bagi memberikan perkhidmatan *sex* kepada responden pertama pada malam 17 Januari 2009 tersebut. Dalam keadaan sedemikian mahkamah mendapati pempetisyen gagal membuktikan tanpa apa-apa keraguan yang munasabah pertuduhan perzinaan terhadap responden kedua tersebut. Maka yang demikian responden kedua berhak memilih untuk tidak mengemukakan sebarang keterangan pembelaan ke atasnya (lihat s 58 Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Penceraian) 1976).

[19] Di atas dapatan oleh mahkamah sepertimana yang dinyatakan di atas, mahkamah bersetuju dengan hujahan oleh peguamcara yang bijaksana yang mewakili responden kedua bahawa selagi dakwaan atau pertuduhan perzinaan tidak dibuktikan terhadap responden kedua, maka responden kedua tidak mempunyai tanggungan atau beban untuk mengemukakan keterangan pembelaannya. Dalam kes *Johara Bi binti Abdul Kadir Marican v Lawrence Lam Kwok Fou & Anor* [1981] 1 MLJ 139; [1980] 1 LNS 199 (FC), Chang Min Tat FJ dalam mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi dalam beban pembuktian mengatakan seperti berikut:

> … that until and unless a plaintiff has discharged the onus on it to prove its case on the balance of probabilities the burden does not shift to the defendant and no matter if the defendant's case is completely unbelievable, the claim must be dismissed.

[20] Setelah memberikan pertimbangan ke atas keterangan yang terdapat, mahkamah mendapati tiada pertuduhan perzinaan yang telah dapat

dibuktikan terhadap responden kedua. Oleh itu tuntutan oleh pempetisyen bagi responden kedua membayar ganti rugi bagi perzinaan sebanyak RM100,000 ditolak.

[21] Mahkamah bagaimanapun mendapati perlakuan responden pertama yang melanggani responden kedua bagi tujuan hubungan *sex* pada malam hari 17 Januari 2009 di rumah No 27, adalah menjadi penyebab atau penyumbang tunggal kepada keruntuhan rumah tangga perkahwinan pempetisyen dan responden pertama tersebut. Mahkamah bersetuju dengan pempetisyen bahawa perlakuan curang responden pertama adalah merupakan perlakuan yang tidak dapat diterima sebagai munasabah untuk pempetisyen meneruskan perkahwinan ini dan untuk tinggal semula bersama responden pertama. Di atas keterangan yang ada itu, mahkamah mendapati responden pertama adalah bertanggungan sepenuhnya terhadap keruntuhan rumah tangga mereka. Usaha bagi perdamaian oleh tribunal perdamaian/perkahwinan juga telah gagal dan ianya tidak menghairankan berdasarkan fakta-fakta yang ada itu. Mahkamah bersetuju bahawa tiada lagi terdapat peluang untuk perkahwinan tersebut dipulihkan.

[22] Di atas huraian dan alasan-alasan yang diberikan di atas, mahkamah membenarkan permohonan pempetisyen isteri bagi perkahwinan ini dibubarkan. Oleh itu dekri nisi diperintahkan bagi perkahwinan ini dibubarkan dan ianya akan menjadi mutlak selepas tiga bulan.

[23] Lanjutan daripada perintah bagi pembubaran perkahwinan tersebut, mahkamah akan menimbangkan tuntutan oleh pempetisyen bagi perkara-perkara yang dipohonkan di perenggan 1(b)–(n) yang dibutirkan di awal penghakiman ini.

TUNTUTAN NAFKAH DIRI OLEH PEMPETISYEN

[24] Mahkamah menimbangkan dahulu tuntutan nafkah diri oleh pempetisyen isteri sebanyak RM7,000 sebulan.

[25] Seksyen 77(1)(b) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan supaya nafkah dibayar kepada isteri atau bekas isteri apabila perkahwinan dibubarkan (lihat: *Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santoso* [2008] 4 MLJ 863; [2008] 4 CLJ 1050; *Parkunan a/l Achulingam v Kalaiyarasy a/p Periasamy* [2004] 6 MLJ 240; [2004] 7 CLJ 175).

[26] Seksyen 78 Akta memberikan panduan bagaimana pertimbangan bagi nafkah tersebut ditentukan. Prinsip terpakai dalam menimbangkan tanggungan ke atas nafkah isteri adalah berdasarkan kepada 'means and needs'

pihak-pihak. Dalam kes *Choong Yee Fong v Ooi Seng Keat & Anor* [2006] 1 MLJ 791; [2006] 5 CLJ 144 dinyatakan oleh Faiza Tamby J seperti berikut:

> Section 78 of the Act requires this court to assess the means and needs of both the petitioner and the respondent and also their respective conducts which contributed to the irretrievable breakdown of the marriage in coming to a decision if the petitioner is entitled to a maintenance at all and if so, the amount to be awarded.

[27] Keterangan oleh pempetisyen (SP3) dalam membuat tuntutan nafkah bagi diri pempetisyen pada jumlah RM7,000 adalah diasaskan kepada justifikasi berikut (jawapan Nos 11 dan 78 pernyataan saksi pempetisyen — lampiran 'E'):

> … Seperti yang saya katakan, saya telah biasa dengan taraf dan gaya hidup yang tinggi semasa berkahwin dan masih bermesra dengan responden pertama dan saya telah mendapati ia adalah amat susah bagi saya mendapatkan kerja untuk mengekalkan taraf dan gaya hidup yang tinggi seperti dahulu dan tiba-tiba semua telah berubah, contohnya beliau telah mengambil balik Honda Stream tersebut, tiada pembantu rumah untuk membantu saya dan sebagainya. Selanjutnya, saya juga mengalami kesusahan dan mendapatkan kerja disebabkan oleh kelayakan akademik saya serta pengalaman kerja saya yang terhad. Tambahan pula saya perlu menjaga anak perkahwinan kami dan tumpuan saya adalah sentiasa di atas anak perkahwinan kami (perenggan 77).
>
> Selepas saya berkahwin dengan responden pertama, beliau telah membekalkan sebuah rumah teres dua tingkat untuk kami sebagai rumah perkahwinan, mendapatkan pembantu rumah untuk membantu saya dalam kerja-kerja rumah, beliau juga membekalkan satu BMW untuk kegunaan saya dan kemudiannya tukar kepada Honda Stream yang beliau beli dengan wang tunai. Beliau juga akan membawa saya pergi melancung setiap tahun di luar negara seperti Korea, Taiwan, Hong Kong, Bali dan kami sebenarnya juga merancang untuk pergi ke Jepun tetapi tidak berlaku disebabkan oleh perkara-perkara ini. Responden pertama juga kerap membawa saya dan anak perkahwinan kami pergi makan di restoran yang mahal, beliau juga memberikan perbelanjaan saya untuk spa, salon, facial, beli-belah, barang-barang kesihatan dan kecantikan, pakaian, kasut dan sebagainya untuk mengekalkan kecantikan muka dan badan saya. Ini adalah kerana beliau akan mengkritik saya sekiranya saya tidak menjaga kecantikan saya.
>
> Apabila saya atau anak perkahwinan kami sakit, kami juga biasanya mendapatkan rawatan di hospital swasta. Responden pertama juga akan membeli permainan-permainan dan juga pakaian serta kasut yang mahal dan berkualiti baik untuk anak perkahwinan kami (perenggan 78).

[28] Mengenai perbelanjaan bulanan ketika pempetisyen dan responden pertama tinggal sebagai suami isteri, pempetisyen mengatakan responden memberi RM2,000 untuk perbelanjaan peribadi pempetisyen dan anak perkahwinan, RM1,500 bagi perbelanjaan anak perkahwinan, RM1,000 bagi perbelanjaan pembantu rumah, RM1,500 setahun bagi kos rawatan perubatan

pembantu rumah, RM150 hingga RM250 sebulan bagi perbelanjaan perubatan pempetisyen, RM500 hingga RM700 sebulan bagi perbelanjaan perubatan anak perkahwinan, RM700 hingga RM900 sebulan bagi membiayai perbelanjaan minyak dan servis kereta pempetisyen, RM1,000 sebulan bagi perbelanjaan bayaran bil air, bil elektrik, Astro dan telefon rumah.

[29] Sebelum berkahwin dengan responden pertama, pempetisyen bekerja sebagai kerani agensi di American International Assurance Ltd, cawangan Klang dengan pendapatan bulanan sekitar RM1,200 sebulan. Bagaimanapun dua bulan sebelum mereka berkahwin (kahwin pada 20 Mei 2005) iaitu pada bulan Mac 2005, pempetisyen telah berhenti kerja di atas permintaan responden pertama di atas janji oleh responden pertama untuk menyara dan menanggung segala perbelanjaan pempetisyen. Pempetisyen sekarang berumur lebih kurang 30 tahun. Responden pertama sekarang berumur 34 tahun.

[30] Pempetisyen sekarang ini berkerja secara sambilan sebagai pendandan artis (*make-up* artis) dengan pendapatan yang tidak menentu sekitar RM1,000 hingga RM2,000 sebulan. Responden pertama mengatakan beliau sekarang bekerja sebagai juruteknik di syarikat Mediarex Sdn Bhd iaitu syarikat milik keluarganya sejak meletakkan jawatan sebagai pengarah dan pemegang saham dalam syarikat Mediarex Sdn Bhd. Responden pertama mengemukakan penyata gaji beliau bagi bulan Jun 2011 dan Ogos 2011 yang melihatkan gaji asas beliau ialah RM3,000 sebulan (eksh P4a dan P4b — ms 1081–1082 ikatan dokumen B5). Bagaimanapun borang cukai pendapatan tahun 2009 responden pertama melihatkan responden pertama memegang jawatan sebagai 'Technical Manager' (ekh P25 — ms 1090–1091 ikatan dokumen B5). Di dalam laporan polis yang dibuat oleh responden pertama (eks D1 ms 1064 ikatan dokumen B5) responden pertama memberikan butiran pekerjaan beliau sebagai 'Jurutera'. Laporan polis responden pertama bertarikh 2 Februari 2009 pula membutirkan pekerjaan responden pertama sebagai 'Engineer'. Bagaimanapun semasa memberi keterangan, responden pertama mengatakan beliau hanya berkelulusan tingkatan 3 dan ada mengikuti kursus teknikal bagi sijil.

Keterangan responden pertama mengenai perbelanjaan bulanan semasa tinggal bersama pempetisyen

[31] Responden pertama mengatakan beliau akan menyerahkan wang kepada pempetisyen bagi perbelanjaan bulanan seperti berikut semasa mereka tinggal bersama, iaitu gaji pembantu rumah RM400; perbelanjaan anak RM300; pemeriksaan perubatan dan levi pembantu rumah bagi satu tahun RM700; bil-bil elektrik, Astro, air dan telefon RM300; perbelanjaan runcit RM250; imunisasi anak (tiga bulan sekali) RM250; dan perbelanjaan bagi

kereta, servis dan tol akan dibiayai oleh syarikat responden pertama. Responden pertama oleh itu mengatakan semasa mereka tinggal bersama responden pertama memberikan sekitar RM2,000 sebulan kepada pempetisyen bagi perbelanjaan diri pempetisyen dan anak perkahwinan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH BAGI NAFKAH DIRI PEMPETISYEN

[32] Setelah menimbangkan keterangan yang terdapat dan berdasarkan kepada prinsip undang-undang mantap yang telah dirujukkan oleh mahkamah ini, mahkamah berpendapat kadar nafkah RM2,500 sebulan adalah munasabah untuk diberikan kepada pempetisyen bagi nafkah diri pempetisyen. Responden pertama dengan ini diperintahkan membayar nafkah diri pempetisyen sebanyak RM2,500 sebulan pada setiap bulan mulai dari tarikh perintah ini dan bayaran tersebut hendaklah dibuat tidak lewat daripada 7hb setiap bulan dan dimasukkan ke dalam akuan bank pempetisyen.

HAK JAGAAN DAN NAFKAH ANAK PERKAHWINAN

[33] Oleh kerana hak jagaan (*custody*) ke atas anak perkahwinan bernama Felecia Yeow Wan Yi tidak dipertikaikan, maka mahkamah mengekalkan dan memerintahkan hak jagaan, pemeliharaan dan kawalan ke atas anak perkahwinan bernama Felecia Yeow Wan Yi tersebut diberikan kepada pempetisyen dengan hak akses ke atas kanak-kanak tersebut diberikan kepada responden pertama.

[34] Pempetisyen memohon supaya responden pertama diperintahkan membayar nafkah bagi anak perkahwinan Filicia Yeow Wan Yi tiap-tiap bulan mengikut skala umurnya segala nafkah, keperluan kewangan dan perbelanjaan pendidikan seperti berikut:

Umur	Jumlah bayaran setiap bulan
4–9 tahun	RM2,500
10–12 tahun	RM3,000
13–15 tahun	RM3,500
16–18 tahun	RM4,500
Selepas 18 tahun sehingga tamat pengajian untuk ijazah pertama dari universiti.	RM5,000

[35] Pempetsiyen juga memohon supaya responden pertama membayar nafkah sebelumnya (*backdated maintenance*) bagi anak perkahwinan Felicia

Yeow Wan Yi sebanyak RM2,500 sebulan mulai 17 Januari 2009 sehingga 1 Oktober 2009 dan kemudiannya dari 1 Oktober 2009 sehingga tarikh keputusan petisyen ini. Anak perkahwinan sekarang berumur lebih kurang 7 tahun 6 bulan.

[36] Seksyen 92–93 Akta memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan bapa bagi menanggung nafkah anaknya (lihat kes *Sivajothi a/p Suppiah v Kunathasan a/l Chelliah* [2006] 3 MLJ 184; [2006] 5 CLJ 318).

[37] Setelah menimbangkan keterangan yang ada dan di atas kelaziman yang diterima bahawa sememangnya kanak-kanak tersebut memerlukan perbelanjaan sara hidup dan keperluan harian dalam pembesarannya, maka mahkamah berpendapat kadar nafkah sebanyak RM2,000 sebulan adalah munasabah untuk dibayar oleh responden pertama bagi nafkah anak perkahwinan. Responden pertama dengan ini diperintahkan membayar nafkah anak perkahwinan sebanyak RM2,000 sebulan pada setiap bulan sebelum 7 haribulan dan bayaran hendaklah dimasukkan ke dalam akuan bank pempetisyen berkuat kuasa mulai tarikh perintah ini. Responden pertama juga diperintahkan bagi menanggung *fee* dan perbelanjaan pendidikan anak perkahwinan sehingga anak perkahwinan lulus ijazah pertama dan juga kos rawatan perubatan dan pergigian anak perkahwinan sehingga kanak-kanak perkahwinan mencapai umur 18 tahun. Mahkamah bagaimanapun menolak tuntutan oleh pempetisyen bagi nafkah anak perkahwinan dibayar secara berskala mengikut umur kanak-kanak kerana ianya tidak sesuai dan akan mendatangkan kerumitan dalam penguatkuasaan perintah ke atasnya. Undang-undang tidak menghalang untuk permohonan variasi perintah ke atas nafkah dibuat sekiranya terdapat perubahan keadaan yang material.

TUNTUTAN PEMPETISYEN KE ATAS HARTA PERKAHWINAN

[38] Pempetisyen isteri menuntut diberikan separuh (1/2) daripada keseluruhan aset-aset responden pertama.

[39] Responden pertama sebelum tarikh 23 Januari 2009 adalah merupakan pengarah dalam syarikat Mediarex Sdn Bhd, iaitu syarikat milik keluarga responden pertama yang diketuai oleh DW2. Setakat 27 Ogos 2009 responden pertama memegang sebanyak 250,000 unit saham dalam Mediarex Sdn Bhd bernilai RM1 sesaham (eksh P35). Responden pertama telah memegang saham Mediarex Sdn Bhd sebanyak 250,000 unit sejak 20 November 2003 (eksh P40). Penyata kewangan syarikat Mediarex Sdn Bhd tahun kewangan sehingga 31 Mei 2008 melihatkan syarikat tersebut mencapai hasil sekitar RM67j setahun serta pegangan harta (asset) bernilai RM18j dan rizab tunai, sebanyak RM4,884,125 (eksh P35). Pembayaran elaun dan gaji pengarah-pengarah Mediarex Sdn Bhd adalah sekitar RM650,000 setahun

(eksh P37). Maka yang demikian nilai saham yang dipegang itu juga melihatkan peningkatan harga dari harga asas RM1 sesaham.

[40] Responden pertama telah dilantik sebagai pengarah dalam Mediarex Sdn Bhd sejak 22 Mac 2000 (ekshs P28 dan P40). Keterangan dokumen yang ada melihatkan pendapatan responden pertama berdasarkan kepada borang cukai pendapatan ketika masih menjadi pengarah dalam Mediarex Sdn Bhd adalah sekitar RM161,000 pada 31 Disember 2005 (eksh P27 — ms 1083 ikatan dokumen B5). Pecahan bagi jumlah tersebut ialah RM36,000 bagi gaji dan RM125,000 bagi fee pengarah. Bagaimanapun responden pertama tidak mengemukakan keterangan atau dokumen berkaitan penyata cukai pendapatan beliau bagi tahun taksiran 2006–2008. Responden hanya meletak jawatan pengarah pada bulan Januari 2009. Walaupun responden pertama dalam keterangannya mengatakan pendapatan beliau adalah sekitar RM36,000 setahun tetapi mahkamah ini berpendapat ianya tidak munasabah dan tidak disokong oleh keterangan yang *credible* kerana dari tahun 2006 hingga awal tahun 2009 responden pertama juga mendapat *fee* pengarah sebagai pengarah Mediarex Sdn Bhd. Keterangan yang ada menunjukkan bagi tahun 2005 responden pertama mendapat fee pengarah sebanyak RM125,000. Oleh kerana responden pertama tidak mengemukakan penyata cukai pendapatan beliau bagi tahun 2006–2008 maka mahkamah telah dihilangkan dengan maklumat atau keterangan yang dapat merumuskan pendapatan responden pertama bagi tahun-tahun tersebut. Responden pertama meletak jawatan sebagai pengarah Mediarex Sdn Bhd berkuat kuasa mulai 23 Januari 2009 iaitu lebih kurang satu minggu selepas kejadian bertarikh 17 Januari 2009 (ekshs P28 dan P40: ms 1027–1029 ikatan dokumen B5). Responden pertama juga pernah menjadi ahli lembaga pengarah dalam syarikat Nurture Master Sdn Bhd dari tahun 1998–2008 (eksh P26 ms 1032–1038 ikatan dokumen B5). Responden pertama juga pernah menjadi ahli lembaga pengarah dalam syarikat Joen Joen Industries Sdn Bhd dari tahun 2004 hingga bulan Mei 2009 (ek P26, P32, P33 ms 1039–1052 ikatan dokumen B5).

[41] Mahkamah mendapati perletakan jawatan pengarah dan penjualan saham-saham milik responden pertama yang dibuat dalam masa yang singkat selepas kejadian pada malam 17 Januari 2009 tersebut adalah dibuat secara tidak jujur dan bertujuan untuk menjauhkan responden pertama daripada pemilikan saham-saham tersebut dan faedah dari jawatan sebagai pengarah, yang secara implikasinya bertujuan untuk melepaskan tanggungan responden pertama dari tuntutan pempetisyen ke atas bahagian dalam harta perkahwinan. Saham yang diperolehi oleh responden pertama dalam Mediarex Sdn Bhd adalah berterusan dipegang dan melihatkan pertambahan nilai harga semasa tempoh perkahwinan dan didaftarkan di atas nama responden pertama sebelum ianya berpindah kepada ahli keluarga lain responden pertama. Responden pertama telah tahu dan dapat menjangka bahawa kejadian pada

17 Januari 2009 yang melihatkan kecurangan responden pertama akan menjadi alasan utama oleh pempetisyen bagi memohon perkahwinan dibubarkan dan meletakkan tanggungan ke atas responden pertama. Mahkamah juga telah dilihatkan bahawa walau pun responden pertama telah melepaskan jawatan sebagai pengarah dan menjual atau memindah milik saham-saham terlibat, responden pertama masih mampu menggayakan kehidupan yang mewah seperti memandu kereta mewah BMW dan Mini Cooper, kekerapan lawatan keluar negara seperti China (September hingga Disember 2009), Taiwan (29 Oktober 2010), German (12–18 Ogos 2012), Laos (25 Mac 2012) dan Thailand (12 April 2009, 22 Ogos 2009, 4 September 2010, 20 November 2010, 7 Mei 2011) dan sebagainya yang tidak melihatkan responden pertama mengalami masalah kewangan bagi perbelanjaan dan kehidupannya. Mahkamah mendapati responden pertama mempunyai pilihan untuk berada dalam keselesaan hidup daripada pendapatan dan perniagaan syarikat milik keluarga responden pertama yang melihatkan prestasi keuntungan yang tinggi walau pun responden pertama tidak memegang apa-apa jawatan dan pemilikan saham.

[42] Di atas keterangan yang terdapat yang ditimbangkan secara totaliti oleh mahkamah ini, mahkamah berpendapat pempetisyen sewajarnya diberikan hak-hak ke atas saham pegangan responden pertama tersebut yang jelas dilupuskan sebaik sahaja kejadian bertarikh 17 Januari 2009. Tiada penjelasan oleh responden pertama mahu pun bapa responden pertama, iaitu SD2 terhadap pelupusan secara tergesa-tergesa saham-saham milik responden pertama dan perletakan jawatan pengarah oleh responden pertama.

[43] Setelah menimbangkan keterangan yang ada, mahkamah memutuskan pempetisyen berhak ke atas 20% bahagian saham-saham syarikat Mediarex Sdn Bhd yang dipegang di bawah nama responden pertama setakat tarikh saham-saham itu berada di bawah nama responden pertama sebelum ianya dilupuskan atau dipindahkan oleh responden pertama. Bagi tujuan ini responden pertama hendaklah membayar nilai harga saham 20% bahagian tersebut kepada pempetisyen setakat nilai saham-saham itu pada tarikh saham-saham berjumlah 250,000 unit tersebut dipindahkan dari pegangan responden pertama. Pembayaran nilai 20% saham-saham tersebut hendaklah dibuat dalam masa tiga bulan daripada tarikh perintah ini.

Pengeluaran wang dari akaun simpanan responden pertama

[44] Responden pertama mempunyai akaun simpanan No 1–12424–0001304–2 di RHB Bank Bhd yang mula dibuka pada 20 Disember 2000 (eksh P38 — ms 1110–1118 ikatan dokumen B5). Setakat 25 Januari 2009 terdapat sejumlah RM52,845.52 di dalam akaun tersebut. Bagaimanapun mulai tarikh tersebut (25 Januari 2009) sehingga 9 Februari

2009 hampir keseluruhan jumlah wang tersebut telah dibawa keluar meninggalkan baki setakat RM39.52. Pada tarikh 25 Januari 2009 sahaja sejumlah RM39,216 dibawa keluar dari akaun tersebut. Jelasnya selepas kejadian bertarikh 17 Januari 2009 tersebut, responden pertama telah mula mengambil tindakan melupuskan harta miliknya. Perlakuan sedemikian yang juga dilakukan terhadap jawatan pengarah yang disandang oleh beliau dan pelupusan saham-saham yang dipegang beliau adalah relevan untuk dilihat oleh mahkamah ini sebagai tindakan atau perlakuan yang diniatkan bertujuan mengelakkan harta-harta tersebut dari dapat dituntut oleh pempetisyen. Perlakuan sedemikian pada pendapat mahkamah ini adalah dalam maksud perlakuan yang relevan untuk dilihat oleh mahkamah ini selari dengan peruntukan s 8 Akta Keterangan 1950.

TUNTUTAN KE ATAS KWSP RESPONDEN PERTAMA

[45] Setakat 15 September 2011 terdapat sejumlah RM131,584.56 di dalam akaun KWSP responden pertama. Penyata ahli tahun 2009 melihatkan terdapat sejumlah RM111,117.31 dalam akaun KWSP responden pertama; RM113,187.31 bagi penyata ahli tahun 2010 (eksh D5a, D5b dan D5c ms 1077–1080 ikatan dokumen B5).

[46] Undang-undang adalah mantap bahawa wang dalam simpanan KWSP telah diiktiraf sebagai sebahagian daripada harta perkahwinan (lihat s 53 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Pindaan 2007 berkuat kuasa 1 Julai 2008). Kes-kes seperti *Lim Kuen Kuen v Hiew Kim Fook & Another* [1994] 2 MLJ 693; [1994] 3 CLJ 471, *Sri Devi Arunasalam v P Puspanathan Thilal* [2004] 2 CLJ 610, *Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santoso* [2004] 6 MLJ 395, *Selvarani Vathilingam v Ramakrishnan Muthaly* [2002] 1 CLJ 223, *Lim Siaw Ying v Wong Seng & Another* [2009] 4 MLJ 409 telah memutuskan bahawa wang KWSP adalah merupakan harta perkahwinan dan boleh dibahagikan apabila perintah pembubaran perkahwinan diberikan.

[47] Setelah memberikan pertimbangan ke atas tempoh perkahwinan di antara pempetisyen dan responden sejak 15 Mei 2005 iaitu lebih kurang enam tahun dan tempoh tinggal bersama lebih kurang 3 tahun 7 bulan dan sumbangan oleh pempetisyen dalam menguruskan rumah tangga dan pemeliharaan anak perkahwinan dan pempetisyen menjadi suri rumah tangga sepenuh masa di atas permintaan responden pertama, mahkamah berpendapat pempetisyen wajar diberikan sebanyak 20% bahagian ke atas jumlah wang akaun simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang didaftar di atas nama responden pertama setakat tarikh perintah mahkamah ini. Bagi tujuan ini responden pertama dikehendaki dalam masa 30 hari daripada tarikh perintah ini membuat penamaan kepada pihak KWSP bahawa pempetisyen adalah merupakan pemilik *beneficial* 20% bahagian jumlah wang dalam akaun

tersebut dan bahagian 20% wang tersebut yang dikira setakat tarikh perintah ini hendaklah dibayar kepada pempetisyen apabila responden pertama layak membuat pengeluaran.

TUNTUTAN BAGI SEWAAN RUMAH

[48] Sebelum tinggal berasingan mulai bulan Disember 2008, pempetisyen dan responden tinggal bersama di rumah No 27, Jalan Batu Unjur 4, Taman Bayu Perdana, Klang. Responden terus menetap di rumah itu yang dipunyai oleh ibu bapa responden pertama. Pempetisyen dan anak perkahwinan pula menumpang tinggal di rumah ibu bapa pempetisyen. Pempetisyen memohon supaya responden pertama diperintahkan bagi membeli sebuah rumah bagi pempetisyen dan anak perkahwinan tinggal atau secara *alternative* responden pertama membayar sewa rumah pada kadar sewaan RM1,500 sebulan.

[49] Mahkamah berpendapat permohonan oleh pempetisyen bagi mendapatkan bayaran sewaan rumah dari responden pertama adalah bermerit bagi membolehkan pempetisyen dan anak perkahwinan tinggal berasingan dalam suasana yang lebih selesa dan kondusif dari menumpang di rumah ibu bapa pempetisyen sejak lebih dari tiga tahun yang lepas. Mahkamah mendapati responden pertama berkemampuan bagi membayar sewaan tersebut.

[50] Responden pertama diperintahkan membayar RM1,500 sebulan kepada pempetisyen bagi tujuan pembayaran sewaan rumah bagi kediaman pempetisyen dan anak perkahwinan berkuat kuasa mulai bulan April 2013. Bayaran tersebut hendaklah dibuat sebelum 7hb setiap bulan dan dimasukkan ke dalam akaun bank pempetisyen.

KESIMPULAN

[51] Mahkamah dengan ini membuat perintah-perintah seperti berikut:

(a) perkahwinan di antara pempetisyen dan responden dibubarkan dengan dekri nisi akan dimutlakkan selepas tiga bulan;

(b) hak jagaan, pemeliharaan dan kawalan ke atas anak perkahwinan bernama Felecia Yeow Wan Yi diberikan kepada pempetisyen isteri;

(c) responden pertama membayar nafkah anak perkahwinan sebanyak RM2,000 sebulan pada setiap bulan sebelum 7 haribulan dan bayaran hendaklah dimasukkan ke dalam akaun bank pempetisyen berkuat kuasa mulai tarikh perintah ini;

(d) responden pertama menanggung *fee* dan perbelanjaan pendidikan anak perkahwinan sehingga anak perkahwinan lulus ijazah pertama;

(e) responden pertama menanggung kos rawatan perubatan dan pergigian anak perkahwinan sehingga anak perkahwinan mencapai umur 18 tahun;

(f) hak akses ke atas anak perkahwinan diberikan kepada responden pertama pada setiap hari Ahad dalam setiap bulan dari jam 10 pagi hingga jam 8 malam di mana kanak-kanak boleh diambil keluar dan tanpa pengawasan pempetisyen dan dikembalikan semula kepada pempetisyen apabila tamat waktu akses tersebut;

(g) responden pertama membayar nafkah diri pempetisyen sebanyak RM2,500 sebulan pada setiap bulan mulai dari tarikh perintah ini dan bayaran tersebut hendaklah dibuat tidak lewat daripada 7hb setiap bulan dan dimasukkan ke dalam akaun bank pempetisyen;

(h) tuntutan oleh pempetisyen bagi nafkah kebelakangan (*backdated maintenance*) ditolak;

(i) responden pertama membayar RM1,500 sebulan kepada pempetisyen bagi tujuan pembayaran sewaan rumah bagi kediaman pempetisyen dan anak perkahwinan berkuat kuasa mulai bulan April 2013. Bayaran tersebut hendaklah dibuat sebelum 7hb setiap bulan dan dimasukkan ke dalam akaun bank pempetisyen;

(j) pempetisyen berhak ke atas 20% bahagian saham-saham syarikat Mediarex Sdn Bhd yang dipegang di bawah nama responden pertama setakat tarikh saham-saham itu berada di bawah nama responden pertama sebelum ianya dilupuskan atau dipindahkan oleh responden pertama. Bagi tujuan ini responden pertama hendaklah membayar nilai harga saham 20% bahagian tersebut kepada pempetisyen setakat nilai saham-saham itu pada tarikh ianya dipindahkan dari pegangan responden pertama. Pembayaran nilai 20% saham-saham tersebut hendaklah dibuat dalam masa tiga bulan daripada tarikh perintah ini;

(k) pempetisyen diberikan sebanyak 20% bahagian ke atas jumlah wang akaun simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang didaftar di atas nama responden pertama setakat tarikh perintah mahkamah ini. Bagi tujuan ini responden pertama dikehendaki dalam masa 30 hari daripada tarikh perintah ini membuat penamaan (*nomination*) kepada pihak KWSP bahawa pempetisyen adalah merupakan pemilik beneficial 20% bahagian bagi wang dalam akaun tersebut dan jumlah bahagian 20% wang tersebut yang dikira setakat tarikh perintah ini hendaklah dibayar kepada pempetisyen apabila responden pertama layak membuat pengeluaran;

(l) tuntutan ganti rugi oleh pempetisyen terhadap responden kedua ditolak dan tiada kos diperintahkan; dan

(m) kos bagi petisyen ini dibayar oleh responden pertama kepada pempetisyen dan ianya akan ditaksirkan kecuali dipersetujukan.

Perintah seperti dipohon.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor